

11 JAN 1997

Mahathir-UMNO

MAHATHIR TERIMA CD-ROM PERJUANGAN UMNO DAN ORANG MELAYU

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima CD-ROM bertajuk "UMNO 5 Dasawarsa" mengenai sejarah penubuhan parti itu dan perjuangan orang Melayu dan negara sejak 1946 hingga tahun lepas.

CD-ROM yang diterbitkan oleh Kumpulan Utusan itu dan melibatkan kos lebih RM1 juta dan telah memenangi hadiah pertama di pameran Multimedia Asia tahun ini.

CD-ROM itu disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Kamarul Ariffin kepada Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO dengan disaksikan oleh anggota Majlis tertinggi parti dalam satu majlis di ibu pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Kamarul Ariffin berkata CD-ROM itu berbentuk interaktif yang mengandungi teks, gambar, video dan audio mengenai kejayaan negara serta bahan, gambar-gambar dan dokumen yang tidak pernah diterbitkan sebelum ini.

Katanya, bahan-bahan dalam CD-ROM ini diperolehi daripada beberapa pihak termasuk perpustakaan Kumpulan Utusan sendiri, Arkib Negara, Public Records Office London, beberapa perpustakaan British, ibu pejabat UMNO, Filem Negara Malaysia dan RTM.

Sebanyak 10,000 salinan CD-ROM itu telah disediakan dan daripada jumlah itu 8,000 unit akan diedarkan kepada semua bahagian dan cawangan parti serta kelab-kelab UMNO di luar negara dan selebihnya kepada perpustakaan sekolah, kolej dan pusat pengajian tinggi.

Katanya, penerbitan CD-ROM itu ditaja oleh Kumpulan DRB-Hicom dan Business Focus.

Beliau berkata teks, gambar dan filem yang disiarkan adalah dokumen sejarah yang bukan sahaja menarik bagi anggota UMNO dan penyokongnya tetapi yang lebih penting, akan memberi kesedaran kepada generasi muda untuk mengenali lebih dekat sejarah negara. -- BERNAMA

ARA NMO